

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

KAEDAH KUMPULAN KECIL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH

Ariegusrini Agus

Mohamad Johdi Salleh

International Islamic University Malaysia (IIUM)

Pengenalan

Tidak ada satu kaedah mutlak yang boleh menyelesaikan semua masalah pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Ini adalah kerana, segalanya bergantung kepada sikap guru sebagai pendidik matapelajaran inilah yang dititikberatkan. Kini, terdapat pelbagai metodologi, pedagogi, serta pendekatan-pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah. Terpulang kepada guru itu sendiri untuk memilih dan melaksanakan teknik yang bertepatan dengan keperluan para pelajarnya.

Teknik pengajaran dan pembelajaran secara kuliah yang menggunakan pendekatan sehalu sebenarnya tidak menarik hati para pelajar untuk mendekati Sejarah. Ianya langsung tidak menggalakkan para pelajar untuk memahami matapelajaran ini dengan lebih mendalam apatah lagi untuk menjadi seorang patriotisme. Maka dengan itu, fokus utama artikel ini adalah untuk mengatasi masalah kelemahan daya ingatan di kalangan pelajar.

Kemampuan mengingat dan menghafal fakta-fakta Sejarah adalah antara kunci utama untuk menjawab soalan-soalan dalam peperiksaan. Dalam artikel ini, diselitkan beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah khususnya dalam kumpulan kecil. Antaranya ialah teknik simulasi, kaedah hafalan, penggunaan peta konsep, dan kaedah permainan bahasa. Kaedah-kaedah ini juga telah digunakan dengan jayanya oleh para guru di beberapa sekolah di seluruh Malaysia.

Teknik Simulasi.

Teknik simulasi ialah teknik yang memerlukan pelajar-pelajar menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temuramah dengan individu tertentu dan mencatat isi-isi penting. Selain itu, teknik ini juga adalah merupakan satu kaedah di mana satu situasi diwujudkan untuk menyerupai keadaan sebenar dan ia melibatkan para pelajar melakukan sesuatu perkara (secara berpura-pura) dalam suasana yang terancang.¹

Berdasarkan pengalaman guru yang telah menggunakan teknik simulasi ini, para pelajarnya menunjukkan minat yang sangat memberangsangkan semasa mengikuti sesi pembelajaran. Pelajar-pelajar lebih bersikap aktif serta cerdas khususnya mengajukan soalan-soalan serta saranan di antara satu sama lain. Melalui teknik ini, guru telah menggunakan pelbagai jenis simulasi untuk topik dan tema yang berbeza. Antaranya ialah, lakonan atau drama, perbincangan dan juga permainan.

¹ Norzihan Binti Zakaria. *Penggunaan Teknik Simulasi dalam Meningkatkan Pemahaman Pelajar dalam Matapelajaran Sejarah*. Dipetik dari sumber internet pada: 16/02/2009.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Teknik ini sebenarnya boleh diimplementasi dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan. Misalnya, guru membahagikan pelajar-pelajarnya kepada 5 kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri daripada 6 orang pelajar. Setiap kumpulan akan memainkan peranan masing-masing.

Contoh pelaksanaan bagi teknik simulasi ini adalah seperti berikut:

Tema: Nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.

Kumpulan 1: Faktor-faktor yang membawa imperialisme Barat ke Asia Tenggara.

Kumpulan 2: Perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang British.

Tema: Kesedaran tentang Pembinaan Negara dan Bangsa.

Kumpulan 3: Mentransformasikan konsep negara ke dalam proses pembinaan sebuah kelas cemerlang.

Kumpulan 4: Demonstrasi menentang Malayan Union 1946 oleh orang Melayu.

Tema : Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Negara selepas Merdeka.

Kumpulan 5: Ciri-ciri demokrasi berparlimen.

Kumpulan 6: Proses pilihanraya.

Kaedah Hafalan

Penggunaan buku teks semata-mata dan sebagai satu-satunya bahan dalam pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin dapat memperluaskan kefahaman pelajar dalam Sejarah. Ini adalah antara punca mengapa ramai pelajar tidak berminat untuk belajar Sejarah dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, pengajaran guru yang sering dikaitkan dengan “spoon feeding” atau “chalk and talk” juga amat membosankan para pelajar.

Matapelajaran Sejarah sebenarnya mengandungi banyak fakta serta peristiwa-peristiwa yang penting. Tidak mungkin seorang pelajar dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah jika dia tidak mengingati fakta-fakta Sejarah. Dengan itu, bagi meningkatkan tahap pembelajaran seseorang pelajar, guru boleh menggunakan kaedah hafalan dalam pengajarannya.²

Selain dapat mengingati fakta, peristiwa, konsep atau tarikh-tarikh penting, melalui kaedah hafalan ini juga pelajar dapat membiasakan diri memahami setiap tema dengan baik sekali. Guru perlulah membimbing setiap pelajar menghafal demi kefahaman untuk jangka masa yang panjang dan bukannya untuk lulus peperiksaan semata-mata. Ini adalah kerana ilmu Sejarah mampu membawa seseorang pelajar untuk menjadi warganegara yang cintakan tanah air serta sanggup berjuang demi negara.

² Mohd. Khir bin Che Ngah. *Delema Matapelajaran Sejarah dalam kalangan Pelajar Tingkatan 6*. Dipetik dari sumber internet pada: 16/02/2009.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Sebagai contoh, setiap kumpulan pelajar diberi tugas menulis laporan mengenai biografi perjuangan tokoh-tokoh tempatan dalam menentang British. Laporan ini adalah laporan yang ringkas tetapi padat dengan informasi-informasi yang penting. Kaedah ini boleh dilakukan selepas guru menerangkan topik pada hari itu. Pelajar-pelajar adalah digalakkan untuk bekerjasama di dalam kumpulan masing-masing.

Penggunaan Peta Konsep

Penggunaan peta konsep adalah salah satu pendekatan yang boleh diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Tujuan peta konsep ini ialah untuk membantu serta mengatasi kesusahan pelajar dalam mengingat fakta-fakta dan urutan peristiwa yang bersejarah. Peta konsep dikatakan lebih praktikal bagi pelajar yang lemah dalam subjek ini.

Menurut guru yang berpengalaman, hasil proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah ini ialah mereka dapat meningkatkan perhatian para pelajar serta mampu mengekalkan ingatan.³ Pelajar-pelajar juga tidak cepat bosan sebaliknya mereka berusaha untuk melakar peta konsep mereka sendiri mengikut kreativiti masing-masing. Setelah lakaran siap, setiap kumpulan akan membentang serta menerangkan setiap fakta yang terdapat pada peta konsep mereka.

Di samping itu, dengan adanya kaedah ini, ia memudahkan para pelajar untuk membuat persediaan menghadapi peperiksaan. Walaubagaimanapun, guru haruslah tampil untuk membantu setiap pelajar agar peta konsep yang mereka hasilkan sentiasa terancang. Guru juga perlu mempunyai pengalaman serta ilmu yang mencukupi agar tidak kekok semasa menjawab segala persoalan para pelajar.

Berikut adalah contoh aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep di dalam kelas Sejarah:

TEMA	KUMPULAN / TUGASAN
Nasionalisme di Asia Tenggara.	<u>Kumpulan 1 dan 2:</u> Pengaruh luar terhadap gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.
Pembinaan negara dan bangsa ke arah kemunculan negara Malaysia berdaulat.	<u>Kumpulan 3 dan 4:</u> Ciri-ciri negara dan bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Johor.
Malaysia dan kerjasama antarabangsa.	<u>Kumpulan 5 dan 6:</u> Sebab-sebab dan kesan-kesan perang dingin serta asas penggubalan dasar luar.

³ Michele Ting Mei Ling dan Noor Hafizah Binti Mohd. Rodi. *Penggunaan Peta Konsep bagi Meningkatkan Prestasi Matapelajaran Sejarah Tingkatan Dua*. Dipetik dari sumber internet pada 16/02/2009.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Kaedah Permainan Bahasa

Kaedah permainan bahasa merupakan satu lagi kaedah yang boleh membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Sungguhpun kaedah ini melibatkan permainan, tetapi ia merupakan satu aktiviti di mana melibatkan guru dan semua pelajar untuk bermain sambil belajar. Aktiviti ini sangat mudah dan praktikal terutamanya dalam penjanaan idea di kalangan pelajar.

Menurut sumber pendidikan, kaedah permainan bahasa ini mampu membuatkan pelajar-pelajar lebih berminat untuk belajar Sejarah. Setiap pelajar dikatakan memberi tumpuan yang sepenuhnya dan selalu merujuk buku teks serta rujukan lain.⁴ Maka, dapat disimpulkan di sini bahawa, dengan adanya teknik ini dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, ianya secara tidak langsung menarik minat para pelajar agar rajin membaca.

Kaedah permainan bahasa ini juga sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran berbentuk kumpulan kecil. Bagi menarik minat pelajar lagi, guru boleh memberikan ganjaran atau *reward* kepada kumpulan yang berjaya menyelesaikan permainan ini dengan baik. Misalnya, memberi kupon makanan atau menghadiahkan buku rujukan.

Dengan adanya kaedah ini, setiap pelajar tidak lagi merasa bosan malah peratusan kehadiran ke kelas Sejarah juga pasti akan meningkat. Antara jenis-jenis aktiviti dalam permainan bahasa ini ialah, teka silang kata, mencari dan melengkapkan perkataan yang hilang, serta membetulkan perkataan.

⁴ Ahmad Daman Huri bin Mansor. *Meningkatkan Pengetahuan Sejarah Pelajar-pelajar Tingkatan 5K2 melalui Kaedah Permainan Bahasa*. Dipetik dari sumber internet pada 05/03/2009.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakultas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Berikut adalah contoh-contoh set soalan permainan bahasa:

SET SOALAN PERMAINAN BAHASA 1

T	T	A	N	A	H	M	E	L	A	Y	U	U	E	A	P	R	P	P	N
A	S	S	G	H	X	S	R	U	L	J	J	J	D	D	E	A	P	O	M
B	B	S	Z	Z	X	C	B	U	R	M	A	A	A	W	R	M	M	R	I
R	Y	Y	U	A	O	O	V	F	F	R	R	Q	A	Z	I	X	S	T	W
U	E	D	C	V	F	R	T	G	B	N	H	Y	U	J	N	M	K	U	I
N	K	I	I	F	I	L	I	P	I	N	A	O	O	L	D	P	P	G	A
E	P	O	L	K	I	U	J	M	M	Y	H	N	B	G	U	T	R	I	F
I	N	D	O	N	E	S	I	A	U	Y	H	N	N	B	S	B	B	S	W
A	A	U	U	X	D	D	K	M	H	R	T	L	K	R	T	B	A	N	N
I	I	N	V	T	D	K	U	E	O	B	Q	X	P	I	R	A	F	J	S
L	D	Z	C	B	M	P	U	R	T	E	E	Q	A	T	I	H	D	G	I
H	K	L	L	C	U	I	A	E	R	C	P	Z	A	I	A	A	T	Q	N
P	O	I	U	Y	T	R	E	K	W	Q	E	L	K	S	N	N	A	J	G
I	N	D	O	C	H	I	N	A	H	G	R	F	D	H	S	M	M	A	A
M	N	B	V	C	X	Z	Z	A	S	D	F	F	G	H	J	E	A	K	P
P	E	N	G	A	N	G	K	U	T	A	N	K	L	O	O	N	D	I	U
Q	W	E	R	T	Y	U	I	I	M	S	C	W	Q	A	A	T	U	I	R
Z	H	I	I	E	E	L	L	K	T	F	I	V	B	E	L	A	N	D	A
V	W	A	O	D	T	M	K	F	S	D	S	R	T	K	K	H	A	J	I
W	S	D	Z	M	J	G	C	P	E	R	S	A	I	N	G	A	N	E	R

1. Negara-negara di Asia Tenggara yang pernah dijajah oleh kuasa Barat.
2. Kuasa-kuasa Barat yang pernah menjajah negara-negara di Asia Tenggara.
3. Faktor-faktor Imperialisme Barat di Asia Tenggara.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Set Permainan Bahasa 1: Teka Silang Kata.⁵

PENUHKAN RUANGAN KOTAK DI BAWAH DENGAN JAWAPAN YANG BETUL

1. Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya dengan menjajah negara lain untuk kepentingan tertentu.

□ M □ □ □ I □ L □ □ M □

2. Perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air.

□ □ S □ O □ A □ □ S □ □

3. Karya Habis Gelap Terbitlah Terang dan Penulisan Seorang Putri Jawa telah ditulis oleh

□ □ D □ □ □ □ D □ □ N □ □ □ K □ □ T □ □ □

4. Novel Noli Me Tangere telah dikarang oleh seorang tokoh nasionalisme yang terkenal di Filipina iaitu

□ □ S □ □ □ I □ A □ □

5. Di Indonesia, cerpen Kerikil-kerikil Tajam dan Ke Makam Bonda ditulis oleh

□ □ H □ □ R □ □ □ □ A □ □ A □

6. Dua novel Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) yang menyindir pihak British ialah

□ □ □ E R □ □ □ □ U □ □ □ T □ □ □ □

□ □ □ K □ □ □ A □ □ □ E □ □ □ I □ □ □


7. Perjuangan seorang tokoh di India menentang British telah memberikan inspirasi kepada nasionalis di negara-negara Asia Tenggara. Siapakah tokoh tersebut?

□ □ H □ □ M □ □ □ N D □ □ □

⁵ Ahmad Daman Huri bin Mansor. *Meningkatkan Pengetahuan Sejarah Pelajar-pelajar Tingkatan 5K2 melalui Kaedah Permainan Bahasa*. Dipetik dari sumber internet pada 05/03/2009.

In Abdul Razaq Ahmad and Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.

Set Permainan Bahasa 2: Melengkapkan Perkataan.⁶



⁶ Ahmad Daman Huri bin Mansor. *Meningkatkan Pengetahuan Sejarah Pelajar-pelajar Tingkatan 5K2 melalui Kaedah Permainan Bahasa*. Dipetik dari sumber internet pada 05/03/2009.